

21/07/2002

Dr Ling sedia promosi penggunaan bahasa Inggeris

KUALA LUMPUR: Penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik wajar dilaksanakan di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil kerana ia adalah bahasa ilmu dan antarabangsa, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Pada pandangan saya, saya bersedia mempromosi standard bahasa Inggeris kerana ia adalah bahasa ilmu. Ia adalah bahasa utama yang digunakan dalam Internet serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Ia penting untuk generasi muda akan datang. Tetapi, persoalannya sekarang ialah macam mana hendak melaksanakannya," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad (KSM) ke-23 di Wisma MCA di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik akan tetap dilaksanakan di sekolah kebangsaan tahun depan manakala pelaksanaannya di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan dilaksanakan secara berperingkat.

Ditanya mengenai pendirian MCA terhadap penggunaan bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC), Dr Ling berkata, "Kami akan sentiasa mengadakan perbincangan mengenai sesuatu isu dan mencari jalan penyelesaian terbaik yang boleh diterima oleh semua pihak."

Sementara itu, mengenai kewujudan tujuh Naib Pengerusi MCA bahagian Gombak, beliau berkata, ia adalah dibenarkan jika ia dapat membawa keamanan dan kedamaian kepada parti.

"Terpulang kepada kebijaksanaan mereka. Jika itu akan membawa keamanan dan kedamaian kepada mereka, itu adalah objektif utama.

"Saya gembira jika semua pihak gembira. Dulu, masa saya jadi Pengerusi MCA Perak, keadaan seperti itu juga wujud yang mana ada empat timbalan pengerusi," katanya.

Kelmarin, menurut laporan sebuah akhbar berbahasa Cina, Pengerusi MCA bahagian Gombak, Yip Kum Fook dipetik sebagai berkata, bahagian itu meluluskan tujuh naib pengerusi bagi mengelakkan wujud persaingan.

Beliau berkata, semua orang menyertai kerja sukarela dan jika mereka rela berkhidmat untuk parti, tiada sebab penyertaan mereka ditolak.

Kesemua tujuh orang itu membuat pencalonan untuk empat jawatan Naib Pengerusi pada 10 Mei lalu dan tiga daripadanya adalah penyandang iaitu Yap Woon Hong, Lee Seng Wai dan Foo Yuen Kooi manakala empat muka baru lain ialah Chan Ching San, Tee Poh Guan, Teoh Sin Poh dan Low Eng Loh.